

SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN 03/2026

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KESETIAUSAHAAN BAGI TAHUN 2026

Dengan hormat sukacita Jabatan Perkhidmatan Awam mempelawa pegawai-pegawai yang layak untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan dalam **Aliran Melayu sahaja** seperti berikut:

Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan	
Penolong Kerani Sulit	• Ujian Kepantasan Trengkas 80 p.s.m • Ujian Kepantasan Mendaip 40 p.s.m
Kerani Sulit	
Setiausaha Sulit	

Syarat-syarat untuk menduduki peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:-


1. SYARAT-SYARAT UTAMA

1.1 Pemegang jawatan yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan dan sedang berkhidmat dalam Skim Perkhidmatan Kesetiausahaan Negara Brunei Darussalam:

- 1.1.1 Penolong Kerani Sulit (tangga gaji D.3 EB.4-5)
- 1.1.2 Kerani Sulit (tangga gaji C.1-2 EB.3)
- 1.1.3 Setiausaha Sulit (tangga gaji BW.1/BW.2)

1.2 Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan ini **dikecualikan** jika telah mempunyai Sijil seperti berikut:

- 1.2.1 Kelulusan Level 4 in *Office Administration* atau yang sebanding dengan bidang Kesetiausahaan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; atau



- 1.2.2 Sijil Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Pertama atau Kedua atau Ketiga; atau
- 1.2.3 Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei sekurang-kurangnya Peringkat Tertinggi (Trenkas 110-120 p.s.m dan Menaip 40 p.s.m); atau
- 1.2.4 Mana-mana sijil yang diiktiraf sebanding dengannya.

2. JADUAL PEPERIKSAAN


- 2.1 Jabatan Perkhidmatan Awam akan menentukan tarikh, tempat dan jumlah calon bagi setiap peperiksaan yang dijalankan. Jadual Peperiksaan adalah seperti berikut:

TARIKH PEPERIKSAAN	TARIKH PERMOHONAN	
	DIBUKA	DITUTUP
06 November 2026 Jumaat	21 September 2026 Isnin	03 Oktober 2026 Sabtu

**** Tarikh yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.**

3. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN


- 3.1 Permohonan dan pencalonan hendaklah dibuat secara dalam talian (*Online*) menggunakan Sistem Sumber Manusia (SSM) melalui *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing (sila rujuk **Lampiran A**). Bagi pemegang jawatan **Setiausaha Sulit**, permohonan hendaklah dihadapkan ke Bahagian Pembangunan dan Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Awam.
- 3.2 Pencalonan adalah bagi pegawai yang memohon untuk menduduki peperiksaan sahaja. Bagi pegawai yang memohon dan diluluskan untuk menduduki peperiksaan, hendaklah memastikan kehadiran semasa peperiksaan.



- 3.3 **Department HRD Administrator di Kementerian/Jabatan masing-masing akan menerima pemberitahuan melalui front end SSM mengenai permohonan yang telah dihadapi iaitu sama ada diluluskan atau ditolak. Department HRD Administrator seterusnya akan memaklumkan status permohonan tersebut kepada pemohon di Kementerian/ Jabatan masing-masing.**

4. HAL-HAL LAIN

- 4.1 Pemohon dikehendaki untuk menghadapkan surat atau e-mel tunjuk sebab ke Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Ketua Jabatan masing-masing sekiranya tidak dapat hadir untuk menduduki peperiksaan dengan alasan yang munasabah:
- 4.1.1 Sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh peperiksaan dijalankan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara yang diketahui awal dan tidak dapat dielakkan;
 - 4.1.2 Tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara di luar jangkaan.
- 4.2 Bagi pemohon yang tidak hadir disebabkan masalah kesihatan, hendaklah menghadapkan sijil cuti sakit dari rumah sakit/pusat kesihatan Kerajaan atau klinik swasta yang diiktiraf melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- 4.3 Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap pemohon yang TIDAK HADIR / MENARIK DIRI dari menduduki peperiksaan tanpa maklumat dan sebarang alasan yang munasabah. **Tindakan ini termasuklah menangguhkan pendaftaran semula peperiksaan yang akan datang.**



5. KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410

E-mel : exam.hrsu@psd.gov.bn


Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

وَاللّٰهُ اَعْلَمُ

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Memperkasa Pembangunan Prasarana dan Inovasi ke arah Kemakmuran Negara"


[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**CARTA ALIRAN
TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN**



NL